

BAB LIMA

BAB LIMA
PENGARUH SINTAKSIS BAHASA ARAB
KE ATAS PEMBENTUKAN MAKNA

5.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang kepentingan aspek makna dalam setiap pembinaan frasa atau ayat dalam sesuatu ungkapan. Bermula dengan perbincangan ringkas tentang perkembangan ilmu makna dan pandangan pakar-pakar bahasa tentang kepentingan ilmu makna dalam pengkajian bahasa, bab ini diteruskan dengan perbincangan tentang kedudukan makna dalam pembinaan frasa dan juga ayat, dan bagaimana proses pembinaan sesuatu frasa atau ayat boleh mempengaruhi pembentukan makna juga perbezaannya dengan pembentukan makna BM.

5.1 KEPENTINGAN ILMU MAKNA

Ilmu makna atau semantik merupakan ilmu pengkajian tentang makna. Penggunaan istilah semantik agak baru digunakan iaitu di akhir kurun ke-19. Semantik dalam peristilahan moden digunakan dengan maksud “kajian tentang item-item bahasa seperti perkataan, penamaan (nama am dan nama khas) ekspresi predikat dan ayat dengan item-item alam seperti benda, kejadian, keperihalan keadaan, nilai kebenaran dan situasi-situasi.” (Hashim & Ong 1998:1-2).

Palmer (1989:1. Edisi terjemahan) berpendapat bahawa semantik ialah istilah yang merujuk kepada pengkajian tentang makna, dan oleh sebab makna itu adalah sebahagian daripada bahasa, maka semantik juga menjadi sebahagian daripada ilmu linguistik. Demikian juga dengan Mithqāl (1991:15) yang berpendapat bahawa ilmu semantik merupakan matlamat terpenting dalam pengkajian bahasa jika dibandingkan

dengan aspek-aspek bahasa yang lain. Ini kerana, tanpa pencapaian makna, maka gagallah tugas atau fungsi bahasa yang terbesar, iaitu untuk menyampaikan satu-satu maklumat yang difahami.

Nathesan (1997:524) berpendapat bahawa bidang semantik yang sememangnya merupakan sebahagian daripada ilmu linguistik, amat penting memandangkan kajian bahasa tidak akan sempurna jika tidak ada unsur makna. Pandangan ini disokong oleh Abdul Wahab (1999:529) yang menyatakan bahawa ilmu semantik mempunyai kedudukan yang sangat penting yang tidak dapat ditinggalkan dalam upaya memerikan makna bahasa.

Walaupun ramai yang menganggap bahawa tatabahasa dan semantik merupakan aspek-aspek linguistik yang berasingan, namun hakikatnya, kedua-duanya saling berkaitan. Sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Parker (1994:42. Edisi terjemahan) bahawa, ilmu semantik adalah sebahagian daripada bidang pengkajian tatabahasa secara khusus, iaitu ia merujuk kepada pengkajian tentang struktur dalam sesuatu bahasa (aspek tatabahasa yang lain iaitu ilmu sintaksis, morfologi dan fonologi). Bagi menjamin kesempurnaan sesuatu ujaran, semua aspek linguistik mempunyai peranan masing-masing, dan setiap satu aspek saling memerlukan antara satu sama lain.

Nathesan (1997:531-532) menegaskan bahawa:

“Semantik menjadi amat penting dalam tatabahasa, dan tanpanya, kita mungkin dapat membina atau melafazkan ayat atau ujaran yang tepat dari segi rumus-rumusny tetapi tidak tepat dari segi semantik ... ayat-ayat mesti mendukung makna semantik, selain mempunyai struktur ayat yang gramatis supaya dapat diterima sebagai ayat yang tepat.”

Lado (1964) menegaskan bahawa:

“Struktur bahasa mengandungi dua sub-struktur yang selari iaitu: **ungkapan** dan **isi**. Di antara kedua-dua sub ini, terdapatlah jaringan **asosiasi**. Ungkapan ialah sistem bunyi, kata, frasa, ayat. Isi pula ialah sistem unit makna kebudayaan yang digolongkan, serta gabungan dan hubungannya dalam sesuatu bahasa. Asosiasi pula ialah hubungan di antara ungkapan dan

isi. Apabila unit ungkapan diterima, maka ia akan mencari unit isi yang berasosiasi dengannya.” (Lado edisi terjemahan 1980:16).

Penjelasan di atas menunjukkan bahawa ungkapan dan makna adalah dua rukun dalam struktur sesuatu bahasa yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain.

Hashim dan Ong (1998:1) melihat kepentingan ilmu makna dengan skop yang lebih luas apabila menegaskan bahawa:

“Semantik atau ilmu makna adalah satu bidang yang luas, mencakupi kebanyakan daripada struktur dan fungsi bahasa dan juga masalah dalam kajian psikologi, falsafah dan antropologi”.

Oleh kerana rata-rata ahli bahasa berpendapat bahawa bahasa adalah satu alat untuk menyampaikan maklumat atau untuk tujuan komunikasi, maka peranan makna adalah paling utama dalam menentukan setiap ungkapan yang disampaikan menepati maksud yang diinginkan. Ramai ahli bahasa yang menyedari hubungan yang rapat antara proses komunikasi dan peranan semantik. Antaranya Palmer (1992:6. Edisi terjemahan:)

“Kalau bahasa dianggap satu sistem maklumat, atau lebih tepat lagi sebagai satu sistem komunikasi, maka ia tentulah boleh mengasosiasikan suatu mesej (makna) dengan satu set lambang (bunyi-bunyi bahasa atau simbol-simbol dalam teks tertulis).”

Asmah Hj. Omar (1981:25) mengutarakan pandangan yang sama tentang kepentingan peranan makna dalam menjayakan sesuatu komunikasi. Beliau menegaskan bahawa maksud setiap ujaran dikehendaki supaya difahami oleh penerima komunikasi iaitu tepat seperti yang dinyatakan oleh penyampainya. Demikian juga halnya dengan pernyataan fikiran dalam bahasa tertulis, yang penting ialah maksud yang hendak disampaikan.

Ahmad Kamil (1992:5) juga mengaitkan kepentingan makna dan pertukaran maklumat dalam proses komunikasi apabila mengatakan:

“Apabila dua orang berkomunikasi, iaitu bertukar maklumat, maka mereka terlibat dalam satu interaksi melahirkan makna. Makna itulah yang menghubungkan di antara keduanya. Semakin banyak maklumat yang dikongsi, maka semakin banyaklah makna yang dibentuk dan semakin meningkatlah kefahaman di antara satu sama lain.”

Semantik secara umumnya terbahagi kepada dua kategori:

1. **Semantik leksikal:** iaitu makna yang dapat dihubungkan dengan makna rujukan berdasarkan kamus atau makna perkataan yang terlepas daripada hubungannya dengan perkataan lain dalam binaan ayat.
2. **Semantik gramatikal:** iaitu makna berdasarkan binaan ayat. Makna tersebut menghubungkan unsur inti dengan jenis perkataan lain yang melibatkan perbezaan antara subjek dan objek, pertentangan ketentuan, kala dan bilangan, perbezaan antara kenyataan, pertanyaan dan permintaan. Dan ianya bersifat tertutup. (Lyons. 1993 dipetik dari Mohd. Azemi 1999:11).

Nida (1996:10-13. Edisi terjemahan) pula memberikan huraian tentang tiga jenis makna yang mempengaruhi kebolehubahan bahasa yang dapat diringkaskan seperti berikut:

1. **Makna kognitif atau rujukan:** iaitu makna yang merujuk kepada fitur luaran bahasa.
2. **Makna tatabahasa:** iaitu makna yang melibatkan fitur bahasa itu sendiri atau lebih jelas, ianya merupakan satu pemerian tentang perhubungan antara unit lisan.
3. **Makna emotif:** iaitu makna yang melibatkan jenis dan darjah reaksi emosi terhadap ungkapan bahasa. Ianya berhubung dengan cara sesuatu struktur menyatakan maknanya secara khusus dalam wacana sebenar.

Berdasarkan teori lapangan semantik, kosa kata dalam sesuatu bahasa itu dianggap sebagai satu sistem leksem atau perkataan yang saling berhubungan daripada segi makna (Hashim & Ong Chin 1998:9).

Dalam sejarah linguistik BA pula, ilmu semantik yang dikenali sebagai *ilmu al-dalālat* (علم الدلالة) baru sahaja dikenali iaitu pada abad ke 14H. Bidang ini dianggap bidang yang paling baru berbanding dengan cabang-cabang ilmu linguistik yang lain (Mithqāl, 1991:12). Ini menunjukkan bahawa, kelahiran bidang semantik di negara Arab agak terkebelakang jika dibandingkan dengan perkembangan ilmu semantik dalam bidang linguistik di dunia Barat.

Namun begitu, tidak bermakna bidang ini tidak pernah dikaji oleh para Sarjana Arab sebelumnya. Malah, aspek makna telah lama menjadi perhatian para Sarjana Arab semenjak bermulanya ilmu sintaksis (علم النحو) diterokai. Cuma pada masa itu, pengkajian tentang makna belum lagi menggunakan istilah semantik (علم الدلالة) tetapi dikenali sebagai ilmu makna.

Apa yang dapat disimpulkan dari penjelasan di atas ialah, bidang sintaksis dan semantik mempunyai hubungan yang sangat rapat, dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam proses pembinaan frasa dan ayat sebagaimana yang ditegaskan oleh Asraf (1983:471):

“Yang menjadi kriteria bagi kesempurnaan ayat sebagai suatu unit bahasa yang gramatis ialah bentuknya yang sempurna dari sudut sintaksis dan maknanya yang sempurna dari sudut semantik. Tiadalah sempurna sesuatu ujaran itu sebagai ayat, jika bentuknya saja yang sempurna ataupun hanya maknanya saja yang sempurna.”

Kenyataan di atas jelas menggambarkan tentang kepentingan penguasaan aspek makna dan hubungannya dengan peranan sintaksis dalam menentukan kualiti sesuatu ujaran atau ayat yang gramatis. Juga bagi memastikan setiap perkataan yang dipilih untuk membina sesuatu frasa atau ayat dalam komunikasi adalah tepat, dan mampu pula melakukan pengubahsuaian mengikut peranan setiap perkataan tersebut, atau menserasikannya dengan konstituen leksem yang lain mengikut hukum dan peraturan tatabahasanya, seterusnya mampu menghasilkan ayat dan ujaran yang gramatis, bermakna dan difahami.

5.2 KEDUDUKAN MAKNA DALAM PEMBINAAN SINTAKSIS BAHASA ARAB.

Penghuraian tentang aspek makna bagi sesuatu kata, frasa atau ayat sesuatu bahasa asing yang bukan dari rumpun bahasa yang sasaran memperlihatkan satu kekompleksan yang amat ketara. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Nida 1996:195. edisi terjemahan):

“Selagi seseorang itu mengkaji dalam lingkungan bahasa Indo-Eropah, padanan antara struktur semantik adalah agak lebih jelas. Hal ini adalah kerana bahasa ini tidak hanya lebih kurang dipiawaikan oleh masa, tetapi perbezaan struktur juga tidak begitu ketara. Sebaliknya pula, apabila seseorang itu menterjemah dari suatu keluarga bahasa kepada bahasa keluarga bahasa yang lain, terutamanya dalam keadaan yang latar belakang budayanya yang sangat berlainan, contohnya daripada bahasa Yunani ke bahasa Zulu atau daripada bahasa Ibrani kepada bahasa Palauan, terdapat kesukaran yang nyata dan terang. Satu daripada sebabnya ialah kandungan kelas kata adalah jauh berlainan.”

Demikian jugalah gambaran tentang perbezaan antara kelas semantik BM dan BA, lantaran kedua-dua bahasa tersebut daripada rumpun yang berlainan. Jika diperhatikan kepada ciri-ciri kosa kata BM dari sudut semantik berdasarkan huraian di atas, mungkin ianya lebih sesuai dengan ciri-ciri semantik leksikal di mana pengertian sesuatu kosa kata itu adalah bebas. Oleh kerana kosa kata BM tidak terikat dengan

aspek nahuan, ia bebas digunakan dalam sebarang ujaran ataupun ayat tanpa terikat dengan sebarang peraturan nahuan tertentu. Manakala BI yang merupakan bahasa fleksi sebagaimana BA telah menunjukkan perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan BM apabila kata kerja dan kata namanya terikat dengan peraturan nahuan iaitu dengan memberi imbuhan morfem fleksi bagi membezakan kala dan bilangan (Parker 1994:95. Edisi terjemahan). Namun, yang lebih menarik lagi kefleksian BA ternyata lebih tinggi daripada BI di mana morfem fleksinya bukan sahaja diperlukan oleh kata kerja dan kata nama dari aspek kala dan bilangan, malah juga melibatkan aspek kasus dan juga genus.

Jelaslah di sini bahawa setiap kata dalam BA bukan sahaja melibatkan semantik leksikal dan rujukan, malah dalam masa yang sama ianya sentiasa terikat dengan semantik tatabahasa atau pun semantik gramatis demi untuk memastikan setiap ujaran atau ayat yang hendak disampaikan mempunyai makna yang boleh difahami.

Kata, frasa atau ayat BA jika dilihat dari aspek makna sememangnya memperlihatkan keunikannya yang amat jauh berbeza dengan ciri-ciri sintaksis BM. Contohnya, jika diperhatikan pada kata kerja *ḍahaba* (ذهب), bukan hanya memberi maksud *pergi*,

malah di sebalik hanya satu lafaz, terhimpun komponen makna-makna yang merangkumi gantinama pelaku yang tersembunyi (هو) *dia*, kala lampau *telah* dan kata

kerja *pergi* yang secara keseluruhannya menghasilkan makna: *dia telah pergi*.

Berbeza sekali dengan ciri-ciri BM apabila kata kerja *belajar* hanya memberi satu makna iaitu perbuatan belajar tanpa ada komponen makna yang lain. Jika dibandingkan dengan kata kerja *went* dalam BI, ianya agak hampir dengan ciri-ciri semantik BA. Ini kerana di dalam pengertian kata kerja tersebut terdapat dua

komponen makna iaitu pengertian kala lampau *telah* dan pengertian perbuatan *pergi*. Namun, masih belum dapat menandingi kepelbagaian komponen semantik BA.

Begitu juga komponen makna yang terhasil daripada kata kerja *ʔaktub* (أكتب), iaitu gantinama pelaku *saya*, pengertian *kala sedang berlaku* dan maksud kata kerja *menulis*, menjadikan maksud keseluruhannya ialah:

Saya sedang menulis.

Ini menunjukkan kata kerja (أكتب) yang pada zahirnya seolah-olah hanya satu lafaz, sebenarnya sudah lengkap sebagai sebuah ayat yang boleh menyampaikan maksud yang difahami jika dilihat dari sudut maknanya.

Bagi kata kerja *saʔazu:ruka* (سأزورك) pula, penghuraian makna yang terdapat pada lafaz tersebut ternyata lebih kompleks. Meskipun ianya nampak seolah-olah satu lafaz sahaja, namun hakikatnya ia tersusun daripada rangkaian leksem yang tersembunyi iaitu (سوف) *akan* yang diringkaskan menjadi (س) sahaja, gantinama *saya* yang berperanan sebagai pelaku, perbuatan menziarah (زار) dan gantinama awak maskulin yang berperanan sebagai objek:

سَوْفَ + أَنَا + زَارَ + أَنْتَ

yang secara keseluruhannya menghasilkan komponen makna berikut:

saya akan menziarahi awak (maskulin)

Bayangkan betapa BM memerlukan beberapa rangkaian kata untuk menyatakan maksud diatas, sedangkan BA hanya memerlukan satu lafaz sahaja. Ciri-ciri ini tentunya tidak terdapat pada sintaksis BM, dan ini juga salah satu faktor mengapa Allah (S.W.T) telah memilih BA sebagai bahasa al-Quran.

Inilah salah satu ciri BA yang unik dilihat dari sudut semantik di mana satu lafaz ataupun leksem BA terkandung dalamnya unit nahuan *grammatical item* (بند النحو)

yang menjadikannya suatu ujaran yang gramatis ataupun ayat yang boleh difahami mesejnya (Ba'albaki 1990:218).

Keadaan ini mungkin boleh dikaitkan dengan apa yang dijelaskan oleh Adrian (1995:235) berkenaan dengan salah satu daripada aspek perkaitan makna iaitu *perangkuman makna*. Apa yang dimaksudkan oleh beliau tentang *perangkuman makna* ialah apabila beberapa maksud dan penjelasan adakalanya terangkum dalam satu lafaz sahaja. Contohnya lafaz *Murder* di mana selain daripada memberi maksud *kematian*, ianya juga memberi maksud *pembunuhan illegal*.

Jika aspek *perangkuman makna* dapat dilihat dengan ketara dalam lafaz dan ungkapan BI, maka, hakikat ini ternyata lebih jelas didapati dalam lafaz dan ungkapan BA apabila maksud yang terangkum dalam sesuatu lafaz bukan hanya dua makna, malah adakalanya tiga ataupun empat makna atau maksud. Justeru, perubahan-perubahan kecil yang berlaku dalam pembinaan kata ataupun ayat BA, walaupun pada satu tanda diakritik, atau dengan penambahan atau pelenyapan partikel (أل) boleh memberi kesan yang besar ke atas aspek makna sesuatu mesej yang hendak disampaikan.

Satu lagi perbezaan yang ketara antara ciri-ciri sintaksis BM dan sintaksis BA jika dilihat dari aspek peranan makna ialah, maksud sesuatu ayat BM bergantung sepenuhnya kepada susunan atau urutan perkataan di dalam sesuatu ayat (Ismail Ibrahim 1990:5, Ab. Rahman & Yap 1997:140-141). Ini bermakna, peranan atau tugas sesuatu kata di dalam BM ditentukan oleh konstituen setiap leksem yang terlibat di dalam sesuatu ayat sebagaimana yang ditegaskan oleh Ramli (1995:I):

“Bahasa Melayu merupakan bahasa berkonfigurasi (configurational) dengan kedudukan yang tetap bagi subjek FN (FN, A), FLEKSI dan FK. Urutan perkataan sangat penting dalam BM kerana bahasa ini tidak menggunakan sistem deklensi atau konjugasi. Tidak terdapat penandaan kasus yang nyata terhadap FN, dan juga tidak terdapat fenomena penyesuaian antara FN subjek (FN, A)”

Justeru, jika kedudukan sesuatu perkataan itu bertukar, maka peranannya juga akan berubah. Contohnya:

- 1) *Ali* mengejar budak lelaki itu
- 2) Budak lelaki itu mengejar *Ali*

Dalam kedua-dua ayat di atas, peranan *Ali* ternyata tidak sama di mana dalam ayat (1) *Ali* berperanan sebagai pelaku kerana kedudukannya di permulaan ayat. Manakala dalam ayat (2) *Ali* berperanan sebagai objek hanya kerana ianya hadir selepas *budak lelaki*. Jelaslah bahawa peranan *Ali* telah bertukar dengan perubahan kedudukannya di dalam ayat. Selain itu, perkataan di dalam ayat BM didapati tidak mengalami apa-apa perubahan bentuk walaupun peranannya berbeza-beza. Contohnya:

- 3) *Buku cerita* (itu) bagus
- 4) Saya membaca *buku cerita*
- 5) Ada pen di dalam *buku cerita* (itu).

Jika diperhatikan ketiga-tiga ayat di atas, kata nama *buku cerita* tetap dalam satu wajah sahaja meskipun peranan di dalam ketiga-tiga ayat di atas berbeza. Sepatutnya

dalam ayat (3) *buku cerita* dalam keadaan nominatif, dalam ayat (4) dalam keadaan akusatif dalam dalam ayat (5) pula *buku cerita* dalam keadaan genitif. Ternyata perkataan BM di dalam sesuatu ayat tidak terlibat dengan ciri-ciri infleksi sebagaimana perkataan dalam ayat BA yang akan berubah mengikut peranannya di dalam sesuatu ayat. Contohnya:

- | | | |
|----|--|------------------------------|
| 6) | <i>kita:bu ?al-qisṣah jayyid</i>
(buku cerita (itu) bagus) | كِتَابُ الْقِصَّةِ جَيِّدٌ |
| 7) | <i>?aqra?u kita:ba ?al-qisṣah</i>
(saya sedang membaca buku cerita) | أَقْرَأُ كِتَابَ الْقِصَّةِ |
| 8) | <i>fi: kita:bi ?al-qisṣah ṣuar</i>
(di dalam buku cerita (itu) ada gambar-gambar) | فِي كِتَابِ الْقِصَّةِ صُورٌ |

Dalam ketiga-tiga ayat di atas, Perubahan tanda diakritik (dari segi kasus) yang berlaku pada kata nama (كتاب) *buku* berdasarkan peranannya di dalam sesuatu ayat.

Oleh kerana setiap kata nama ataupun kata kerja BA hadir dalam bentuk yang berbeza-beza berdasarkan peranannya di dalam sesuatu ayat, maka maksud sesuatu ayat tidaklah bergantung sepenuhnya kepada susunan ataupun urutan perkataan. Dengan kata lain, sekiranya perkataan-perkataan tersebut diubahkan kedudukannya di dalam sesuatu ayat, maksud asal ayat tersebut tetap terpelihara selagi bentuknya tidak berubah berdasarkan peranannya. Ini menunjukkan bahawa bidang *i'rab* (desinential inflection) memainkan peranan yang sangat penting dalam pembinaan ayat sintaksis BA. Peranan *i'rab* yang menentukan tugas nahuan kepada setiap lafaz atau kata (Ismail 1990:5) sehingga lafaz-lafaz tersebut mempunyai identiti tersendiri yang dapat dikenalpasti dalam setiap ayat walaupun di dalam konstituen yang berbeza. Ini menjadikan peranan setiap lafaz BA itu tetap terpelihara walaupun di mana ia berada di dalam sesuatu ayat yang menjadikan maknanya juga terpelihara. Kepelbagaian pola

ayat BA ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut (Mohamad & Abd. Rabbo 1990:129)

- | | | |
|-----|---|----------------------------|
| 9) | <i>?ištara: sa:lim kita:ban</i>
(KK + Pel + Objek) | اَشْتَرَى سَالِمٌ كِتَابًا |
| 10) | <i>sa:lim ?ištara: kita:ban</i>
(Pel + KK + Objek) | سَالِمٌ اَشْتَرَى كِتَابًا |
| 11) | <i>?ištara: kita:ban sa:lim</i>
(KK + Objek + Pel) | اَشْتَرَى كِتَابًا سَالِمٌ |
| 12) | <i>kita:ban ?ištara: sa:lim</i>
(Objek + KK = Pel) | كِتَابًا اَشْتَرَى سَالِمٌ |

Jika diperhatikan kepada keempat-empat ayat di atas, jelas memperlihatkan konstituen lafaz-lafaz yang berbeza-beza. Namun, semua ayat-ayat di atas hanya memberi satu maksud yang sama iaitu:

Salim telah membeli sebuah buku

Ini kerana, jika diperhatikan pada kata nama *Salim* yang berperanan sebagai pelaku tetap hadir dalam satu wajah iaitu dalam keadaan nominatif dengan diberi simbol diakritik *dammat* (ْ). Dengan itu, walaupun hadir di tempat yang berbeza-beza,

peranannya sebagai pelaku tetap terpelihara. Begitu juga dengan kata nama (كِتَابًا)

sebuah buku yang berperanan sebagai objek yang dibawa dalam keadaan akusatif dengan simbol diakritik tanwin *fathat* (ُ). Maka, peranannya sebagai objek tetap

kekal walaupun kedudukannya telah bertukar.

Keadaan akan menjadi sebaliknya apabila bentuk sesuatu lafaz itu berubah dari segi kasus. Ini menjadikan makna sesuatu ayat akan berubah walaupun lafaz-lafaz di dalam sesuatu ayat masih dalam konstituen yang sama. Contohnya:

- 13) *ḍaraba ʔal-waladu* ضَرَبَ الْوَلَدُ
(KK + Pel) (budak lelaki (itu) telah memukul)
- 14) *ḍaraba ʔal-walada* ضَرَبَ الْوَلَدَ
(KK + Objek) (seorang (m) telah memukul budak lelaki (itu))

Dalam ayat (13) dan (14) didapati kata nama (الولد) *budak lelaki* berada ditempat yang sama dalam kedua-dua ayat di mana ianya didahului oleh kata kerja kala lampau (ضرب) *memukul*. Namun, maksud kedua-dua ayat tersebut tidak sama hanya kerana kehadiran kata nama *budak lelaki* dalam keadaan kasus yang berbeza. Dalam ayat (13) ia hadir dalam keadaan nominatif, maka jelaslah peranannya sebagai pelaku. Kata kerja (ضرب) *telah memukul* merupakan perbuatan yang dilakukan oleh *budak lelaki* itu. Sebaliknya dalam ayat (14), kata nama (الولد) *budak lelaki* hadir dalam keadaan akusatif. Dengan itu, walaupun berada ditempat yang sama seperti mana di dalam ayat (13), ianya tidak lagi berperanan sebagai pelaku, tetapi sebagai objek. Kata kerja (ضرب) *telah memukul* bukan lagi merupakan perbuatan yang dilakukan oleh *budak lelaki* itu, tetapi pelakunya ialah seorang lelaki yang tidak disebut.

5.2.1 Kedudukan Makna Dalam Pembinaan Frasa Adjektif Dan Ayat Subjek-Predikat

Dalam proses pembinaan ayat subjek-predikat, frasa adjektif dan frasa *iḍāfaʔ* akan memperlihatkan kepelbagaian pengertian makna dengan hanya berlakunya perubahan

yang amat kecil. Jika dilihat secara sepintas lalu antara ayat dan kedua-dua frasa tersebut, kelihatan seolah-olah dari jenis yang sama. Ini kerana perbezaan ketiga-tiganya amat kecil malah hampir tidak dapat dibezakan. Kehalusan ciri-ciri sintaksis BA amat jelas dalam penyusunan ketiga-tiga jenis sintaksis tersebut. Hanya dengan perbezaan tanda kasus dan dengan penambahan atau pelenyapan partikel penentu (أل)

boleh mengubah maksud sesuatu frasa ataupun ayat. Contohnya:

- | | | |
|-----|--|---------------------------|
| 15) | <i>ʔal-kita:b + ʔaḥmar</i>
(buku (itu) + merah) | الكتابُ + أَحْمَرُ |
| 16) | <i>ʔal-kita:b ʔal-ʔaḥmar + ...</i>
(buku merah (itu) + ...) | الكتابُ الْأَحْمَرُ + ... |

Rangkaian dua kata nama dalam ayat (15) merupakan ayat yang gramatis dan boleh difahami kerana kostituen kedua-dua kata nama tersebut memenuhi syarat susunan subjek dan predikat. Sebagaimana yang dijelaskan dalam bab tiga, syarat bagi subjek ialah kata nama yang dalam keadaan *maʾrifat* iaitu samada kata nama khas ataupun kata nama am yang diberi imbuhan partikel penentu (أل). Manakala predikat pula

haruslah terdiri daripada kata nama *nakirat* iaitu tanpa imbuhan partikel (أل). Justeru,

apabila kata adjektif (أَحْمَرُ) *merah* diberi partikel (أل), maka ia bukan lagi berperanan

sebagai predikat sebagaimana susunan kata dalam contoh (16). Walaupun kedua-dua contoh di atas nampak sama dari segi konstituennya dan juga dari segi tanda kasus, bilangan dan genus, namun, hakikatnya contoh (16) bukanlah suatu ayat yang lengkap, tetapi ianya merupakan satu frasa adjektif. Ianya belum lagi boleh menjadi ayat kerana

kegagalan kata adjektif (الأحمر) *merah* menjadi predikat. Ini menunjukkan frasa adjektif dalam contoh (16) memerlukan predikat untuk menjadikannya ayat yang sempurna. Contohnya:

- 17) *ʔal-kita:b ʔal-ʔaḥmar + jadi:d* *الكتابُ الأحمرُ + جَدِيدٌ*
(buku merah (itu) + baru)

Sekiranya kata nama (الكتاب) *buku* pula tidak diberi partikel penentu (أل), maka ianya tidak layak untuk berperanan sebagai subjek, sebaliknya susunan kata nama tersebut hanya berfungsi sebagai frasa predikat. Contohnya:

- 18) *... + kita:b ʔaḥmar* *... + كِتَابٌ أَحْمَرٌ*
(... + adalah buku merah)

Frasa predikat di atas memerlukan subjek untuk menjadikannya satu ayat yang lengkap, umpamanya dengan menambahkan kata penunjuk (هذا) *ini* atau (ذلك) *itu* menjadi:

- 19) *ha:ða: + kita:b ʔaḥmar* *هَذَا + كِتَابٌ أَحْمَرٌ*
(ini + adalah buku merah)

Daripada contoh-contoh di atas, jelas menunjukkan partikel penentu (أل) merupakan unsur terpenting yang mempengaruhi pembentukan makna dalam sesuatu ayat BA, kerana kehadirannya atau ketiadaannyalah yang membezakan makna sesuatu ayat. Ia juga merupakan sebagai penentu yang dapat membezakan samada sesuatu ujaran itu bertaraf ayat mahupun frasa sebagaimana contoh-contoh berikut:

- 20) *ha:ða: + baytun kabi:r* *هَذَا + بَيْتٌ كَبِيرٌ*
(ini + rumah besar)

- 21) *ha:ða: ʔal-bayt + kabi:r* هَذَا الْبَيْتُ + كَبِيرٌ
(rumah ini + besar)
- 22) *ha:ða: ʔal-bayt ʔal-kabi:r + ...* هَذَا الْبَيْتُ الْكَبِيرُ + ...
(rumah besar ini + ...)

Daripada ketiga-tiga contoh di atas, jelas memperlihatkan perbezaan yang ketara dari aspek makna. Dalam contoh (20), kata tunjuk (هذا) *ini* berperanan sebagai subjek dan frasa adjektif (بيت كبير) *rumah besar* menjadi pelengkap ayat sebagai predikat. Ini kerana kedua-dua kata substantif dan kata adjektif hadir dalam keadaan *nakiraṭ* iaitu tanpa partikel penentu (أل). Berbeza dengan contoh (21) di mana subjek ayat ialah frasa kata tunjuk (هذا البيت) *rumah ini* dan kata adjektif (كبير) *besar* berperanan sebagai predikat. Kata nama (البيت) *rumah* tidak layak menjadi predikat kerana ianya hadir dalam keadaan *ma'rifaṭ* iaitu dengan diberi partikel penentu (أل). Jika diperhatikan kepada contoh (22) pula, walaupun tersusun daripada lafaz-lafaz yang sama dengan contoh (20) dan (21), namun ianya belum lengkap sebagai satu ayat yang gramatis. Ini kerana ianya tersusun daripada kata nama dan kata adjektif yang diberi partikel penentu (أل) yang menjadikan kesemuanya hanya berperanan sebagai subjek. Bagi melengkapkan ayat tersebut, satu lagi kata adjektif perlu dibawa dalam bentuk *nakiraṭ* iaitu tanpa partikel penentu (أل). Contohnya:

- 23) *ha:ða: ʔal-kayl ʔal-kahir + jami:l* هَذَا الْبَيْتُ الْكَبِيرُ + جَمِيلٌ
(rumah besar ini + cantik)

Dalam proses pembinaan ayat subjek-predikat yang mengandungi maksud ada (have), didapati kedua-dua BM dan BI mempunyai struktur yang sama iaitu:

- | | | |
|---------------------------------|---|-----------------------|
| Saya ada buku | - | I have a book |
| Budak lelaki (itu) ada beg baru | - | The boy has a new beg |

Ciri-ciri persamaan yang terdapat pada struktur kedua-dua bahasa ini memudahkan pelajar Melayu yang mempelajari BI menguasai aspek ini tanpa sebarang masalah. Namun, bagi pelajar Melayu yang mempelajari BA akan menghadapi masalah untuk menguasainya kerana struktur ini tidak terdapat dalam BA. Tiada lafaz yang khusus dalam BA bagi menyatakan ada (have) sebagaimana BM dan BI. Dengan itu, untuk mengatakan “ada” dalam BA, haruslah menggunakan salah satu daripada tiga kata sendi iaitu (عند، ل، مع). Contohnya:

- | | |
|----------------------------|------------------|
| 24) <i>çindi: + kita:b</i> | عِنْدِي + كِتَاب |
| 25) <i>li: + kita:b</i> | لِي + كِتَاب |
| 26) <i>maçi: + kita:b</i> | مَعِي + كِتَاب |

Meskipun setiap kata sendi mempunyai pengertiannya yang tersendiri (sebagaimana yang dijelaskan dalam bab empat), namun dalam keadaan di atas, ketiga-tiga ayat (24), (25) dan (26) memberi satu maksud sahaja iaitu:

Saya ada buku

- | | |
|---------------------------------|--------------------------|
| 27) <i>çinda çaliy + nuqu:d</i> | عِنْدَ عَلِيٍّ + نُقُودٌ |
| 28) <i>li çaliy + nuqu:d</i> | لِعَلِيٍّ + نُقُودٌ |
| 29) <i>maça çaliy + nuqu:d</i> | مَعَ عَلِيٍّ + نُقُودٌ |

kedua-dua kata nama dicantum dalam keadaan terbalik dengan diberi tanda (‘) dan imbuhan (s) pada kata nama pertama. Contohnya:

The book + the teacher → the teacher’s book

Manakala frasa *idāfat* BA pula, konstituen kedua-dua kata nama yang terlibat yang dikenali sebagai *mudāf* (bagi kata nama pertama) dan *mudāf ilaih* (bagi kata nama yang hadir selepasnya) adalah dalam urutan yang betul sebagaimana BM. Namun, percantuman antara kedua-duanya tidak akan menghasilkan maksud “possesive” sekiranya tidak melakukan beberapa proses mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Contohnya jika dicantumkan kata nama (الكتاب) yang bermaksud *buku (itu) / the book* dan kata nama (المدرس) yang bermaksud *guru lelaki (itu) / the teacher* menjadi:

ʔal-kita:bu ʔal-mudarrisu

الكتابُ المدرِّسُ

Tidak akan menghasilkan maksud yang diinginkan kerana ianya masih memberi maksud:

buku (itu) guru lelaki (itu) / the book the teacher.

Maksud yang diinginkan akan terhasil hanya setelah melakukan proses menurut peraturannya iaitu dengan menggugurkan partikel penentu (أل) pada kata nama pertama (مضاف) dan kata nama kedua (مضاف اليه) pula hendaklah dibawa dalam keadaan genitif menjadi:

ʔal-kita:bu + ʔal-mudarrisu



32) *kita:bu ʔal-mudarrisi*
(buku guru lelaki)

الكتابُ + المدرِّسُ



كِتَابُ المدرِّسِ

- 37) *ʔal-mudarrisuna + ʔal-madrasatu* المَدْرَسُونَ + المَدْرَسَةُ
 (guru-guru lelaki (itu) + sekolah (itu))
mudarrisu: ʔal-madrasati مُدَرِّسُو المَدْرَسَةِ
 (guru-guru lelaki sekolah (itu))

Dalam contoh (35) dan (36), *mudāf* (المدرسان) *dua orang guru lelaki* dan (الطالبان) *dua pelajar perempuan* adalah daripada kata nama duaan. Oleh itu, imbuhan (ن) digugurkan selain daripada pengguguran partikel (أل). Demikian juga dengan contoh (37) dimana imbuhan (ن) pada kata jamak maskulin (المدرسون) *guru-guru* juga digugurkan selain daripada pengguguran partikel (أل).

Proses pembinaan frasa *idāfat* akan bertambah kompleks lagi apabila ianya disertai dengan kata adjektif yang mana *mudāf*nya adalah kata substantifnya. Sekiranya kata adjektif dibawa untuk *mudāf ilaih*, ianya tidaklah menimbulkan banyak masalah kerana kata adjektif tersebut tidak terpisah dari kata substantifnya. Contohnya:

- 38) مُدَرِّسُ المَدْرَسَةِ الجَدِيدَةِ
mudarrisu ʔal-madrasati ʔal-jadi:dati
 (guru lelaki sekolah baru (itu))

Dalam contoh (38), (الجديدة) *baru* ialah kata adjektif bagi *mudāf ilaih* (المدرسة) *sekolah*. Ini dapat dikenalpasti dengan melihat pada ciri-cirinya yang serasi dengan kata substantifnya secara menyeluruh iaitu dibawa dalam bentuk feminin dan juga dalam keadaan genitif sebagaimana *mudāf*. Namun, sekiranya konstituen kata masih sama, cuma kata adjektif tersebut dibawa dalam bentuk maskulin iaitu tanpa imbuhan ta' feminin (ة), dan kasusnya dalam keadaan nominatif iaitu dengan simbol diakritik

ʿammīat (ُ), maka perubahan besar dari aspek makna akan berlaku. Ini kerana, dalam

keadaan ini, kata adjektif tersebut telah bertukar menjadi kata adjektif kepada *mudāf*

kerana ianya bertepatan dengan ciri-ciri *mudāf* (مدرس). Contohnya:

- 39) مُدَرِّسُ الْمَدْرَسَةِ الْجَدِيدِ
mudarrisu ʔal-madrasati ʔal-jadi:du / ʔal-jadi:d
(guru lelaki baru sekolah (itu))

Dalam contoh (39) pula, kata adjektif (الجدید) *baru* merupakan kata adjektif bagi

mudāf iaitu (مدرس) *guru lelaki*. Ini dapat dikenalpasti apabila ciri-ciri kata adjektif

yang dibawa dalam bentuk maskulin dan juga dalam keadaan nominatif sebagaimana ciri-ciri *mudāf* iaitu *guru lelaki*. Justeru, sepatutnya kata adjektif tersebut berada

disebelah kata substantifnya (مدرس) *guru lelaki*. Tetapi sebaliknya ia terpisah dari

kata substantifnya apabila hadir di sebelah *mudāf ilaih*. Ini kerana, mengikut peraturan sintaksis BA, *mudāf* dan *mudāf ilaih* tidak boleh terpisah dengan apa-apa lafaz yang lain. Namun, maksud frasa ini masih boleh dikenalpasti dengan dengan melihat pada ciri-ciri kata adjektif yang serasi dengan *mudāf* dari segi genus dan juga kasus.

Sesuatu yang boleh menimbulkan kekeliruan di sini ialah, sekiranya *mudāf* dalam frasa di atas juga dalam bentuk feminin menjadi:

- 40) مُدَرِّسَةُ الْمَدْرَسَةِ الْجَدِيدَةِ
mudarrisatu ʔal-madrasati ʔal-jadi:dati / ʔal-jadi:dah

Dalam contoh (40), didapati kedua-dua *mudāf* dan *mudāf ilaih* terdiri daripada kata nama jenis feminin. Sekiranya kata adjektif (الجديدة) *baru* diujarkan dengan tanda diakritik *dammat* (ْ) sebagai simbol nominatif, maka dapatlah difahami bahawa kata adjektif tersebut adalah untuk menerangkan sifat *mudāf* iaitu (المدرسة) *guru perempuan*. Ini kerana terdapat keserasian kasus antara *mudāf* dan kata adjektif tersebut. Maka ayat tersebut memberi maksud:

Guru perempuan baru sekolah (itu).

Demikian juga sekiranya kata adjektif tersebut diujarkan dalam keadaan genitif iaitu dengan diberi tanda diakritik *kasrat* (ِ). Maka ayat tersebut masih boleh difahami bahawa kata adjektif (الجديدة) *baru* adalah untuk menerangkan sifat *mudāf ilaih* dengan adanya keserasian kasus antara keduanya. Dan ayat tersebut memberi maksud:

Guru perempuan sekolah baru (itu).

Tetapi, yang menimbulkan masalah ialah, dalam penulisan biasa selalunya tidak ditulis tanda diakritik yang dimaksudkan. Demikian juga di dalam komunikasi harian, perkataan akhir setiap ujaran selalunya dimatikan tanda diakritiknya. Ujarannya akan berbunyi:

41) *kita:bu ?aṭ-ṭa:libi ?al-jadi:d* كِتَابُ الطَّالِبِ الْجَدِيدِ

Ungkapan di atas yang diujarkan tanpa tanda diakritik bagi kata adjektif yang hadir di akhir ungkapan, adalah satu ayat yang taksa, kerana, tanda diakritik, kata adjektif tersebut mungkin untuk *mudāf* yang memberi maksud:

Buku baru pelajar lelaki (itu)

Ataupun untuk menerangkan *mudāf ilaih* yang memberi maksud:

Buku pelajar lelaki baru (itu)

Demikian juga dengan ujaran:

42) *mudarrisatu ʔal-madrasati ʔal-jadi:dah* مُدَرِّسَةُ الْمَدْرَسَةِ الْجَدِيدَةِ

Boleh memberi maksud:

guru perempuan baru sekolah (itu).

Ataupun bermaksud:

guru perempuan sekolah baru (itu).

Ujaran-ujaran dalam contoh (41) dan (42) jelas menghasilkan ayat-ayat yang taksa dan menimbulkan masalah untuk difahami oleh pelajar. Kekeliruan timbul adalah dalam menentukan peranan kata adjektif yang hadir samada untuk menerangkan sifat *mudāf* ataupun *mudāf ilaih*.

5.3 KESIMPULAN

Ciri-ciri sintaksis BA dan kedudukan makna dalam pembinaannya nyata begitu berbeza dengan ciri-ciri sintaksis BM mahupun BI. BA yang bercirikan infleksi mempunyai keistimewaannya yang tersendiri apabila hanya dengan satu lafaz sahaja boleh melahirkan rangkaian dan komponen makna yang lengkap. Ini bermakna, berbanding dengan BM, ada kalanya satu lafaz BA sebenarnya sudahpun berperanan sebagai satu frasa ataupun satu ayat yang gramatis jika dilihat dari sudut semantik.

Jika dilihat kepada struktur-struktur frasa dan ayat BA yang merupakan jenis bahasa di mana hubungan tatabahasanya ditunjukkan dengan cara fleksi dan bukan dengan urutan kata (Kamus Linguistik 1997:29). Justeru, samada dalam pembinaan ayat kata kerja mahupun ayat kata nama, aspek urutan konstituen leksem-leksemnya bukanlah merupakan faktor utama dalam menentukan maksud sesuatu ayat sebagaimana ciri-ciri sintaksis BM. Sebaliknya faktor yang paling penting dalam menentukan maksud sesuatu ayat ialah tugas atau peranan sesuatu kata nama atau kata kerja yang dapat dikenalpasti berdasarkan rupa bentuknya samada dari aspek kala, ketentuan, tanda kasus, genus ataupun bilangan. Ini bermakna kedudukan sesuatu lafaz di dalam sesuatu ayat bukanlah pengukur utama.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, jelas menggambarkan keunikan ciri-ciri sintaksis BA dengan kehalusan cabang-cabang tatabahasanya. Keadaan ini menggambarkan bahawa, untuk membina sesuatu ayat BA memerlukan penulisnya atau penuturnya pantas berfikir untuk memilih lafaz yang tepat. Malah lebih rumit dari itu ialah perlunya kepantasan dan kecekapan dalam mengubahsuai setiap lafaz yang dipilih samada rangkaian kata yang hendak disusun memerlukan keserasian atau sebaliknya. Kepantasan berfikir tentunya lebih diperlukan dalam proses komunikasi di mana kesilapan yang berlaku walaupun hanya pada satu fonem akan memberi kesan yang besar ke atas makna yang hendak disampaikan.